

SOALAN LAZIM MENGENAI PENDAFTARAN PORTAL KERJAYA MyIPO



Bil.	Soalan Lazim	Jawapan
1.	Apakah itu Portal Kerjaya MyIPO?	Portal Kerjaya ialah sistem pendaftaran untuk calon memohon pekerjaan di Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).
2.	Bagaimanakah untuk saya mendaftar akaun di Portal Kerjaya MyIPO?	• Anda perlu mendaftar akaun baharu terlebih dahulu dengan menggunakan No. Kad Pengenalan. • Klik PENDAFTARAN BAHARU untuk pra pendaftaran. • Pendaftaran lengkap dan penetapan kata laluan akan dihantar pautan melalui emel. •
3.	Kenapa saya perlu mengisi maklumat emel saya?	Emel sebagai medium pengaktifan akaun dan saluran komunikasi di antara pihak MyIPO dengan Pemohon. Pemohon hanya dibenar menggunakan emel daripada gmail.com , yahoo.com , hotmail.com dan ymail.com .
4.	Bolehkah pendaftaran akaun saya dibatalkan?	Pendaftaran yang telah dibuat tidak boleh dibatalkan dan hanya boleh dikemaskini.
5.	Bagaimanakah hendak mendapatkan semula kata laluan sekiranya terlupa?	Sekiranya terlupa kata laluan, sila klik pautan LUPA KATA LALUAN dan menetapkan semula kata laluan. Kata laluan yang telah ditukar akan dihantar melalui emel yang telah didaftarkan dalam Portal Kerjaya.
6.	Jika saya membuat permohonan jawatan baharu, adakah permohonan saya yang terdahulu akan terbatal?	Portal Kerjaya hanya memaparkan permohonan yang terkini sahaja setelah pemohon membuat Pengakuan dan Hantar .

SOALAN LAZIM MENGENAI PENDAFTARAN PORTAL KERJAYA MyIPO



Bil.	Soalan Lazim	Jawapan
7.	Bagaimana saya ingin mengetahui maklumat jawatan di Portal Kerjaya MyIPO	Pemohon boleh merujuk pada pautan di bawah: • https://www.myipo.gov.my/ms/jawatan-kosong/ • https://www.myipo.gov.my/career/
8.	Sekiranya saya mendapati telah tersalah memasukkan maklumat semasa permohonan dan telah menghantar permohonan beberapa hari yang lepas, bolehkah saya mengubah maklumat yang tersalah tersebut?	Boleh. Anda boleh mengemas kini maklumat pada bila-bila masa. Namun begitu, setiap kali perubahan yang dilakukan, anda perlu menghantar perakuan pemohon semula untuk memastikan maklumat anda dikemas kini.
9.	Saya tidak menjumpai nama Institut Pengajian Tinggi (IPT) saya dalam senarai maklumat akademik di Portal Kerjaya. Bagaimanakah saya hendak menambah maklumat tersebut?	Bagi penambahan nama Institut Pengajian Tinggi (IPT), Pemohon disaran untuk membuat semakan terlebih dahulu sama ada ianya diiktiraf untuk tujuan lantikan dalam perkhidmatan awam. Rujukan boleh dibuat di: • Sistem Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (eSISRAF) (https://www2.mqa.gov.my/esisraf/) • Malaysian Qualifications Register (MQR) (https://www2.mqa.gov.my/mqr/) Sekiranya diiktiraf, sila salurkan pertanyaan atau aduan anda untuk pengesahan kepada: kerjaya-support@myipo.gov.my
10.	Bolehkah saya menghantar biodata/ maklumat peribadi (resume) untuk memohon jawatan secara manual?	Tidak. Pemohon hendaklah membuat permohonan melalui Portal Kerjaya MyIPO sahaja. BSM MyIPO tidak menerima permohonan secara manual.

SOALAN LAZIM MENGENAI PENDAFTARAN PORTAL KERJAYA MyIPO



Bil.	Soalan Lazim	Jawapan
11.	Bagaimana untuk mengetahui berkenaan panggilan temu duga atau keputusan temu duga?	Panggilan atau keputusan temu duga boleh disemak melalui Portal Kerjaya pada ruangan status.
12.	Bagaimanakah untuk memuat naik salinan sijil/dokumen di dalam Portal Kerjaya?	Sebelum calon memuat naik salinan sijil/dokumen di dalam sistem, sila pastikan : a) imej salinan sijil/dokumen hendaklah dalam format pdf sahaja; b) saiz imej hendaklah kurang daripada 2MB; dan c) pastikan memuat naik salinan sijil/dokumen di ruangan menu yang betul.
13.	Apakah format dan ukuran/saiz gambar untuk dimuatnaik?	Adalah disarankan pemohon memuatnaik gambar yang nampak formal dan jelas dengan ukuran saiz standard gambar passport dan tidak melebihi 2MB.
14.	Sekiranya saya masih belum dipanggil temu duga, adakah permohonan jawatan saya masih aktif?	Permohonan jawatan diklasifikasikan sebagai aktif dalam tempoh satu (1) tahun daripada tarikh permohonan.
15.	Sebelum ini saya telah memohon jawatan sebagai Pembantu Harta Intelek menggunakan kelayakan SPM saya. Saya telah melengkapkan pengajian diploma dan telah dianugerahkan sijil diploma. Apa yang perlu saya lakukan untuk memohon jawatan berdasarkan sijil yang saya miliki?	Pemohon boleh mengemaskini permohonan jawatan.
16.	Adakah saya perlu menunggu iklan kekosongan jawatan dikeluarkan sebelum saya memohon pekerjaan melalui Portal Kerjaya?	Ya.

SOALAN LAZIM MENGENAI PENDAFTARAN PORTAL KERJAYA MyIPO



Bil.	Soalan Lazim	Jawapan
17.	Saya memohon sesuatu jawatan dalam Portal Kerjaya MyIPO selepas tarikh tutup iklannya. Adakah permohonan tersebut akan diproses bagi urusan ini?	Tidak
18.	Saya tidak pasti jawatan apa yang sesuai dengan kelayakan akademik saya. Bagaimanakah saya memilih jawatan yang bersesuaian dengan kelayakan saya?	Pemohon disarankan merujuk syarat kelayakan pada iklan jawatan yang dipaparkan.
19.	Status permohonan sesuatu jawatan saya ialah "Tidak Melempi Syarat-Syarat Yang Ditetapkan". Bolehkah saya tahu apa maksud status ini?	Status "Tidak melepasi syarat-syarat yang ditetapkan" bermaksud tidak memenuhi: a. Syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkaitan; atau b. Syarat-syarat khusus yang ditetapkan oleh Agensi seperti keperluan gred subjek tertentu, bidang pengkhususan, lokaliti dan lain-lain kriteria khusus mengikut keperluan perkhidmatan. Syarat-syarat khusus ini bukan sesuatu yang muktamad dan sentiasa berubah mengikut keperluan semasa.
20.	Bagaimanakah cara untuk saya mengetahui sekiranya saya berjaya mendapat panggilan ke peperiksaan/temu duga	Calon yang layak hendaklah peka dan menyemak dari semasa ke semasa maklumat panggilan peperiksaan/temu duga melalui saluran berikut: a. E-mel calon yang didaftarkan dalam Kerjaya (calon hendaklah sentiasa peka terhadap kemasukan e-mel di semua peti seperti <i>Inbox/ Promotions/ Social/ Junk/ Spam</i>); b. Semakan status dalam Portal Kerjaya melalui menu "Semakan Permohonan" -> rujuk kepada jawatan yang berkaitan untuk semakan status urusan terkini

SOALAN LAZIM MENGENAI PENDAFTARAN PORTAL KERJAYA MyIPO



Bil.	Soalan Lazim	Jawapan
21.	Bolehkah saya memohon semua peringkat jawatan?	Tidak. Portal Kerjaya hanya akan memaparkan jawatan yang bersesuaian dengan kelayakan akademik yang diisi oleh pemohon. Pemohon hendaklah memiliki kelayakan akademik pada peringkat SPM/SVM, Diploma/setaraf, Ijazah Sarjana Muda/setaraf untuk melayakkan diri memohon jawatan yang berkaitan.
22.	Saya mengalami masalah selain yang dinyatakan di atas. Bagaimanakah Portal Kerjaya MyIPO boleh membantu saya?	Bagi pertanyaan atau aduan selain daripada yang dinyatakan di atas, sila salurkan pertanyaan atau aduan anda kepada: kerjaya-support@myipo.gov.my

PORTAL KERJAYA MyIPO URUSAN TEMUDUGA



Bil.	Soalan Lazim	Jawapan
1.	Saya telah memohon jawatan melalui Portal Kerjaya. Adakah saya akan dipanggil temu duga?	Pemohon akan dipanggil ke sesi temu duga dalam sesuatu urusan pengambilan sekiranya: a. melepasi syarat skim perkhidmatan dan syarat tapisan yang ditetapkan; dan b. lulus dalam ujian yang berkaitan.
2.	Apakah persediaan yang perlu saya buat untuk menghadiri temu duga?	Calon diminta mencetak sendiri resume dan bawa ketika hadir temu duga bersama dokumen-dokumen (original) yang dinyatakan melalui emel yang telah didaftarkan.
3.	Sebarang pertanyaan berkenaan temuduga dan sijil/ dokumen, dengan siapakah calon boleh berhubung?	Sebarang pertanyaan berkenaan temu duga dan sijil/dokumen boleh hubungi pegawai/urusetia yang ada dinyatakan di dalam emel panggilan temu duga yang diterima oleh calon.
4.	Bagaimanakah cara untuk saya mendapatkan resume untuk dibawa ke temu duga?	Calon boleh ke Semakan status dalam Kerjaya melalui menu "Semakan Permohonan" -> rujuk kepada jawatan yang berkaitan untuk semakan status urusan dan cetak dokumen.
5.	Adakah calon mempunyai tempoh dalam membuat kemaskini resume di dalam sistem?	Ya. Calon diberikan tempoh kemaskini resume bermula dari 7 hari sebelum tarikh temu duga dan 3 hari selepas tarikh temu duga masing-masing.
6.	Saya mengalami masalah selain yang dinyatakan di atas. Bagaimanakah Portal Kerjaya MyIPO boleh membantu saya?	Bagi pertanyaan atau aduan selain daripada yang dinyatakan di atas, sila salurkan pertanyaan atau aduan anda kepada: kerjaya-support@myipo.gov.my